



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' IR. TS. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.11/2025
PADA 26 NOVEMBER 2025 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Tn. Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran :
 - I. YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, ADUN Sikamat ;
 - II. YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, ADUN Rantau ;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai ;

- IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
- V. YB Hajah Tengku Zamrah bt Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan ;
- VI. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya ;
- VII. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak ;
- VIII. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang ;
- IX. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau ;
- X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang ;
- XI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng ;

Syukur Alhamdulillah segala puji dan syukur kepada Ilahi kerana dengan izin dan limpah-Nya dapat juga Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Bandaraya Seremban Bil.11/2025 dapat diadakan dan dihadiri oleh Ahli Mesyuarat bersama-sama dengan pemerhati.

- 3. Untuk makluman Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, mesyuarat yang diadakan hari ini disiarkan secara langsung menerusi laman sosial *Facebook* rasmi Majlis Bandaraya Seremban dan turut dibantu oleh Jurubahasa daripada Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA).

4. Pada hari ini izinkan saya berbicara mengenai satu tema yang menjadi asas pembinaan sebuah bandar raya berdaya maju dan masyarakat yang berakhlak mulia iaitu “Masyarakat Unggul, PBT Sejahtera”. Menurut takrifan Dewan Bahasa dan Pustaka, masyarakat adalah sekumpulan manusia yang hidup bersama dalam satu ruang geografi, berkongsi aturan hidup, norma serta cara bertindak yang membentuk identiti kolektif mereka.
5. Dalam perspektif Islam, masyarakat (ummah) adalah kelompok manusia yang bersatu atas dasar keimanan dan tujuan yang mulia, diikat oleh nilai moral, adat istiadat dan hukum Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam surah A;- Hujurat, ayat 13 :-

“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenali. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa.”

6. Ini mengingatkan kita bahawa solidariti masyarakat harus berpandukan iman, akhlak dan tanggungjawab bersama, bukan semata-mata faktor biologi atau geografi. Masyarakat yang ideal adalah yang teguh keimanannya, melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar. Dari perspektif pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan, masyarakat merangkumi penduduk, pemilik harta, peniaga, pengguna bandar serta semua pihak yang hidup, bekerja, berniaga dan memanfaatkan ruang bandar raya di bawah Pentadbiran MBS. Mereka memiliki hak dan tanggungjawab di samping hubungan langsung dengan perkhidmatan, undang-undang serta hala tuju pembangunan bandar.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

TANGGUNGJAWAB MBS SEBAGAI PEMACU PEMBANGUNAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Menginsafi definisi ini, jelaslah bahawa pembangunan masyarakat di Seremban adalah amanah besar yang perlu dipikul oleh Majlis Bandaraya Seremban. Meskipun terdapat pelbagai agensi lain yang turut memperkasa aspek pembangunan sosial, MBS bertindak sebagai kompas dan pemacu perubahan, memandu masyarakat ke arah kemajuan berdasarkan pelan strategik yang telah dibangunkan.
8. Saya ingin mengajak Ahli Mesyuarat dan warga bandar raya Seremban yang sama-sama mengikut mesyuarat pada hari ini berfikir sejenak :

“Adakah masyarakat Seremban benar-benar bersama MBS dalam pelaksanaan dasar baharu? Adakah masyarakat berdiri seiring dalam membangunkan Seremban sebagai bandar raya progresif? Dan berapa ramai yang menyokong serta berapa ramai yang menentang?”

Jawapannya ada pada diri kita – tepuk dada, tanya nurani

9. Jika terdapat jurang antara masyarakat dan MBS, menjadi tanggungjawab kita untuk merapatkannya melalui strategi yang bijaksana, inklusif dan berpaksikan nilai moral. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Baqarah, ayat 2 :

“Kitab (Al-Quran) ini tidak ada keraguan padanya ; petunjuk bagi mereka yang bertakwa.”

Ini memberi pedoman bahawa setiap dasar dan program yang kita laksanakan harus berpandukan taqwa, integriti dan kesejahteraan masyarakat.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

MEMPERKASA PROGRAM KEMASYARAKATAN MBS

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

10. Saya menyeru Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan MBS agar menggubal program pembangunan masyarakat yang beridentiti, bernilai tambah dan selaras dengan aspirasi MBS. Contohnya Program Pembangunan Usahawan bukan sahaja melahirkan usahawan mampan yang menggunakan plastik biodegradasi, tetapi juga usahawan pintar yang mengaplikasikan teknologi digital, analitik, promosi digital dan AI dalam pengurusan perniagaan. Program ini perlu menekankan dua spektrum iaitu makro dan mikro dengan keseimbangan antara pembangunan jangka pendek dan panjang.
11. Sebagai contoh, Program Keusahawanan bagi komuniti PPR Paroi dan Lobak : Pelaksanaan Kursus jangka pendek memberi pendedahan dan kemahiran asas manakala kursus jangka panjang membuka peluang perniagaan, menjana pendapatan dan seterusnya mengangkat keluarga keluar daripada kitaran kemiskinan. Selain itu, program serampang

dua mata ini juga memberi peluang kepada warga bandaraya Seremban lain menyewa PPR tersebut. Pendekatan ini selaras dengan hadis Rasulullah SAW :-

“Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat kepada manusia lain.” (HR.Al-Mu’jam Al-Awsat).

Ia menekankan pembangunan inklusif, bukan sekadar peningkatan ekonomi tetapi juga pembangunan sosial dan keberdayaan individu.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT (2026-2030)

Yang Berhormat, YBhg. Dato’, Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

12. Dalam pada itu, saya menggesa Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan menyediakan satu pelan khas iaitu Pelan Tindakan Pembangunan Masyarakat Daerah Seremban 2026-2030 yang dirangka secara holistik. Pelan ini perlu merentas semua jabatan dalamam MBS

memanfaatkan kearifan tempatan (*local genius*) serta pendekatan *Whole of Nation*, supaya semua pihak berkepentingan dapat memainkan peranan.

13. Pelan ini juga harus selari dengan Visi Pelan Strategik MBS 2026-2030 : “Seremban Bandar Raya Pintar, Mampan, Bersih dan Berdaya Saing”. Dalam usaha ini, kita bukan Sahaja membina bandar raya berdaya maju, tetapi juga Masyarakat unggul yang berakhlak mulia, berilmu dan bertaqwa, selari dengan panduan Al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

14. Sehingga **23 November 2025**, prestasi kutipan Cukai
Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut
:-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2025 (RM142.41Juta)

Prestasi = RM140.08Juta (83.61%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM28Juta)

Prestasi = RM19.08Juta (20.44%)

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM161Juta)

Prestasi = RM153.33Juta (95.24%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM246.5Juta)

Prestasi = RM240.95Juta (97.75%)

(e) Belanja Mengurus (RM247.61Juta)

Prestasi = RM204.30Juta (82.51%)

(f) Belanja Pembangunan (RM13.69Juta)

Prestasi = RM9.03Juta (65.93%)

Perbandingan bagi tahun 2024 pula, sehingga **22**

November 2024 :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (RM130.95Juta)

Prestasi = RM125.66Juta (81.57%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggal (RM26.02Juta)

Prestasi = RM15.63Juta (18.03%)

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM145.5Juta)

Prestasi = RM131.53Juta (90.40%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM223.56Juta)

Prestasi = RM211.73Juta (94.71%)

(e) Belanja Mengurus (RM224.31Juta)

Prestasi = RM189.41Juta (84.44%)

(f) Belanja Pembangunan (RM15.02Juta)

Prestasi = RM9.07Juta (60.42%)

Sumber : Jabatan Kewangan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

KUTIPAN OPERASI DARI PINTU KE PINTU

15. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha meningkatkan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada warga bandar raya Seremban terutamanya dalam urusan pembayaran Cukai Taksiran. Majlis menggalakkan warga bandar raya Seremban menggunakan aplikasi atas talian ataupun *Online* dalam setiap transaksi bagi memudahkan pembayaran tanpa perlu hadir ke kaunter Majlis Bandaraya Seremban. Walaupun begitu, Majlis Bandaraya Seremban tetap memahami kekangan warga bandar raya Seremban terutamanya bagi

golongan berusia dan mempunyai masalah talian internet di luar capaian.

16. Sehubungan dengan itu, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan kutipan operasi dari pintu ke pintu. Sepanjang bulan Oktober 2025, Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Kewangan telah mengadakan operasi kutipan di Taman Bandar Warisan Puteri, Taman Saujana Indah / Taman Saujana Prima, Taman Tasik Jaya, Taman Bukit Mutiara, Taman Desa Mayang Sari dan Taman Andalas. Sebanyak 2,733 bilangan akaun telah disasarkan dengan jumlah tunggakan RM2,617,716.66 namun hanya 62 bilangan akaun kutipan dengan jumlah sebanyak RM26,309.60 berjaya dikutip.
17. Selain daripada itu, Majlis juga telah mengadakan lawatan ke 14 premis di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban sepanjang bulan Oktober 2025. Sebanyak 598 bilangan akaun disasarkan dengan jumlah tunggakan sebanyak RM319,039.45 namun hanya 3 bilangan akaun kutipan dengan jumlah kutipan RM44,167.00 berjaya dikutip.

18. Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Kewangan telah mengadakan lawatan ke Pangsapuri / Kondominium / Flat dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban dengan mensasarkan sebanyak 1,677 bilangan akaun dengan jumlah RM2,071,004.22 namun hanya 246 bilangan akaun berjaya dikutip dengan jumlah sebanyak RM105,585.75. MBS telah menampal notis peringatan terhadap premis yang mempunyai tunggakan Cukai Taksiran iaitu di Seremban Putra, Sri Palma Villa dan Youth City sebagai peringatan.
19. Sepanjang bulan Oktober 2025 juga, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan kaunter bergerak di 2 lokasi iaitu di Pasar Raya Mydin Seremban 2 sempena Hari Bertemu Pelanggan MBS 2025 dan di Medan Selera Ampangan sempena Program Kejohanan Catur Terbuka Benteng Ampangan 2025. Sebanyak 2,652 bilangan akaun kutipan dengan nilai berjumlah RM77,109.05 telah berjaya dikutip sepanjang program berlangsung.

Tindakan : Jabatan Kewangan

SENARAI INDIKATOR BAHARU BAGI SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

20. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menjalankan penilaian mengenai Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan mulai Januari 2026. Pihak Jabatan Kerajaan Tempatan telah mengedarkan indikator yang perlu dipatuhi bagi memastikan jumlah Bintang yang akan diterima oleh PBT. Untuk makluman, terdapat beberapa indikator Baharu yang wajib dipatuhi oleh PBT di mana salah satunya adalah kekerapan penglibatan komuniti yang melibatkan tugas Ahli Majlis MBS di lapangan.
21. Bagi memastikan kriteria ini dipatuhi, saya meminta supaya Ahli-Ahli Majlis MBS untuk menghantar laporan lawatan kerja tahun 2025 beserta gambar-gambar yang berkaitan untuk diserahkan kepada Unit Urusetia Mesyuarat bagi tujuan pengumpulan maklumat dan pengrekodan.

Sumber : Unit Urusetia Mesyuarat

ANUGERAH *INTERNATIONAL GREEN APPLE AWARD FOR ENVIRONMENTAL PRACTICE* 2025 DI LONDON

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

22. Baru-baru ini saya telah ke London untuk menerima Anugerah *International Green Apple Award For Environmental Practice* 2025 di atas kejayaan pembangunan Projek Seremban *Art Back Alley Rehancement* (SABAR) @ Lorong Seni Seremban. Anugerah ini telah disampaikan oleh Mr. Roger Wolens, Pengerusi *The Green Apple Award* di *House of Lords, Palace of Westminster*, London. MBS telah menerima 2 anugerah iaitu *International Gold 2025 Under Local Authority ; Urban Regeneration*. Hadir bersama saya ialah Puan Norhezlin binti Amat, Pengarah Kawalan Bangunan MBS dan pasukan projek Lorong Seni Seremban.
23. Majlis Bandaraya Seremban telah menghantar pencalonan bagi Projek Seremban *Art Back Alley Rehancement* (SABAR) Lorong Seni Seremban yang mentransformasikan lorong belakang Bandar Seremban kepada Lorong Seni Seremban dan sekali gus mewujudkan peluang perekonomian setempat. Usaha ini juga memperindahkan

dinding dan jajaran lorong sepanjang 550 meter ini telah menukar ruang yang dahulunya tidak menarik kepada satu destinasi seni yang selamat, mesra pengunjung dan menjadi tarikan pelancongan. Dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.25 juta, projek ini telah berjaya mengangkat imej bandar serta memberi nilai positif kepada pembangunan seni bandar Seremban.

24. Selain itu, lorong ini sedang dalam proses untuk mendapatkan pengiktirafan Malaysia *Book of Records* sebagai Lorong Seni Terpanjang di Malaysia. Pencapaian ini memperkukuhkan kedudukan Seremban sebagai bandar kreatif dan inovatif yang perlu kita pelihara bersama.
25. Sementara itu, bagi memastikan elemen seni dan infrastruktur yang telah dibangunkan dapat dipelihara, pentadbiran Majlis mencadangkan penutupan penuh Lorong Seni Seremban bermula 1 Januari 2026, selaras dengan persediaan sempena Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026. Penutupan ini akan dilaksanakan melalui pemasangan *boom gate* di beberapa lokasi strategik bagi mengawal sepenuhnya pergerakan kenderaan. Saya juga meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan untuk meningkatkan lagi promosi pelancongan Lorong Seni

Seremban serta produk pelancongan di platform media sosial Pesona Seremban yang telah dibangunkan. Satu KPI promosi pelancongan saya tetapkan iaitu satu *posting* pelancongan di sosial media Pesona Seremban pada setiap hari bagi meningkatkan lagi *Level of Noise* pelancongan di Seremban serta selari dengan matlamat Tahun Melawat Negeri Sembilan 2026.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PROJEK *MINITURE VILLAGE* NEGERI SEMBILAN RMK-12

26. Usai Majlis Penyampaian Anugerah di *House of Lords, Palace of Westminster*, London, saya juga berkesempatan untuk melawat sebuah *Miniture Village* di Madurodam, Belanda. Lawatan ini adalah bertujuan untuk mempelajari kaedah pengurusan taman serta konsep yang telah dibangunkan. Makluman semua pihak juga, MBS telah menerima peruntukan sebanyak RM2.3juta di bawah RMK-12 bagi Pembangunan Projek *Miniture Village* Negeri Sembilan (MINES) di sebidang tanah di belakang Muzium

Negeri Sembilan. Saya difahamkan juga cadangan projek ini telah mula dipohon sejak tahun 2022 dan akhirnya pada tahun 2025 projek ini telah diluluskan dan dijangka siap pada 2027.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

MAJLIS APRESIASI INOVASI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2025

27. Pada 4 November 2025, YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan telah menyempurnakan Majlis Apresiasi Inovasi Peringkat Negeri Sembilan. Saya mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan syabas dan tahniah kepada **Kumpulan Aqar** yang terdiri daripada pegawai Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan dan Jabatan Kawalan Bangunan manakala **Kumpulan Force Synergy** terdiri daripada pegawai Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi, Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan &

Pembangunan Usahawan, Jabatan Penyelenggaraan dan Unit Komunikasi Korporat kerana telah Berjaya mendapat tempat ke-3 dalam Pertandingan Konvensyen Inovatif & Kreatif Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2025.

28. Untuk makluman, **Kumpulan Aqar** bertanding bagi kategori Inovasi Sosial telah menampilkan projek *Ramp Mobile* untuk mengurangkan struktur binaan berbentuk *ramp* di kaki lima kedai. Manakala Kumpulan **Force Synergy** bertanding bagi kategori Penyampaian Perkhidmatan menampilkan projek *platform* pintar pemantauan dan pemutihan maklumat premis perniagaan tidak berlesen secara *real-time*. Selain itu, Majlis Bandaraya Seremban menerusi **Legal Team** turut memenangi hadiah saguhati *Explorace* Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan. Saya berharap lebih ramai lagi warga kerja Majlis Bandaraya Seremban akan menyertai KIK bagi penambahbaikan idea-idea baharu dalam tugas seharian.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

SESI PRA KONSULTASI PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DI KAWASAN NILAI 3

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian

29. Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan telah mengadakan Sesi Pra Konsultasi Permohonan Lesen Perniagaan bagi kawasan Nilai 3 pada 28 Oktober 2025 yang lalu bertempat di Bilik Gerakan, Pejabat Cawangan Nilai. Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk memberi penerangan kepada pemohon bagi melengkapkan syarat-syarat permohonan yang masih belum dipatuhi untuk mendapatkan lesen perniagaan Majlis.
30. Saya mengucapkan terima kasih kepada 4 jabatan dalaman Majlis Bandaraya Seremban terdiri daripada Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan yang telah memberikan penerangan kepada pemohon-pemohon berkenaan kaedah bagi melengkapkan syarat permohonan mengikut premis perniagaan masing-masing iaitu

Sumber : Jab. Pelesenan & Pembangunan Ushawan

TEMUDUGA GERAJ PASAR, MYKIOSK DAN PUSAT PENJAJA MILIK MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN ZON NILAI DAN ZON SEREMBAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

31. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan temuduga bagi pengisian gerai, pasar, MyKiosk dan Pusat Penjaja milik Majlis Bandaraya Seremban Zon Nilai pada 29 Oktober 2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Serai Wangi, Pejabat Cawangan Nilai dan bagi Zon Seremban pula pada 30 Oktober 2025 bertempat di Bilik Pameran Dewan Majlis Bandaraya Seremban. Bagi Zon Nilai, terdapat 98 unit kekosongan melibatkan 9 buah gerai, 3 pasar, 3 pusat penjaja dan 3 kiosk dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban. Manakala bagi Zon Seremban terdapat 151 unit kekosongan melibatkan 7 buah gerai, 2 pasar, 3 pusat penjaja dan 4 buah kiosk.

32. Bagi Zon Nilai, seramai 31 orang peniaga telah hadir daripada 40 permohonan yang diterima. Saya mengucapkan terima kasih kepada En. Lee Kai Yet, En. Mohd Fairos bin Rusli, Puan Telagapathi a/p Marimuthu, En. Hamdan bin Md Nor, Puan Jamilah binti Said Ali dan En. Krishnan a/l Ramalingam, Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban yang telah meluangkan masa sebagai panel penemuduga bagi Zon Nilai.
33. Manakala bagi Zon Seremban sebanyak 61 permohonan telah diterima tetapi hanya 45 orang peniaga telah hadir bagi pengisian kekosongan ini. Saya turut mengucapkan terima kasih kepada En. Ng Kin Wai, En. Krishnan a/l Ramalingam, En. Abdul Malek bin Adam, En. Guok Chi Sheng, En. Ng Boon Leng, En. Rosslan bin Hassan dan En. Chong Say Hoo Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban yang telah meluangkan masa sebagai panel penemuduga bagi Zon Seremban.

Sumber : Jab. Pelesenan & Pembangunan Ushawan

HEBAHAN PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2026

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

34. Saya ingin mengingatkan kepada semua peniaga yang berada di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban agar segera memperbaharui lesen perniagaan 2026 bagi mengelakkan didenda 10% sehingga 50% daripada kadar lesen. Tempoh bagi pembaharuan lesen ini bermula daripada 1 November 2025 sehingga 31 Januari 2026 dan saya meminta agar pembaharuan ini dapat dilakukan segera bagi mengelakkan kesesakan di kaunter lesen.
35. Majlis Bandaraya Seremban telah memaklumkan kepada warga bandar raya Seremban melalui platform sosial media rasmi MBS iaitu *Facebook*, LED MBS dan skrin elektronik di kaunter utama serta laman sesawang MBS pada 17 Oktober 2025. Saya juga meminta bantuan daripada Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban dan warga bandar raya Seremban yang mengikuti mesyuarat pada hari ini secara

atas talian supaya dapat menyebarkan maklumat ini supaya lebih ramai peniaga peka dengan pemakluman ini.

Sumber : Jab. Pelesenan & Pembangunan Usahawan

HEBAHAN TEMPOH KELULUSAN LESEN PERNIAGAAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

36. Saya telah mendapat pelbagai rungutan dan aduan daripada warga bandar raya Seremban mengenai tempoh kelulusan lesen perniagaan Majlis Bandaraya Seremban yang terlalu lama dan sukar untuk menyemak status permohonan kerana tidak menerima pemakluman mengenainya. Oleh itu, saya telah meminta Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan supaya menyediakan maklumat mengenai tempoh kelulusan lesen perniagaan dan dikongsi melalui semua platform rasmi Majlis Bandaraya Seremban untuk makluman warga bandar raya Seremban. Perkara ini telah dimuat naik melalui semua platform rasmi pada 1 November 2025 dan saya turut meminta supaya semua ahli mesyuarat

dapat menyebarluas perkara ini agar lebih ramai warga bandar raya Seremban mendapat maklumat yang jelas.

Sumber : Jab. Pelesenan & Pembangunan Usahawan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

37. Bermula 1 Januari 2025 sehingga 31 Oktober 2025, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
- i. *fogging* 39,583 premis ;
 - ii. ULV 75,565 premis ;
 - iii. *larvaciding* 387 lokaliti ;
 - iv. *source reduction* 387 lokaliti ;
 - v. gotong-royong ke atas 117 taman ;
38. Sehingga September 2025, Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 telah merekodkan sebanyak 55 kematian jenazah warganegara.

39. Manakala bagi Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 13 pengebumian jenazah warganegara dan 1 pengebumian jenazah bukan warganegara. Bagi Tanah Kristian Sendayan pula merekodkan sebanyak 8 pengebumian warganegara.

Sumber : Jabatan Kesihatan Persekitaran

40. Pada 13 November 2025, satu Lawatan Kerja Jabatan Kesihatan Persekitaran bersama jabatan teknikal dalaman MBS ke Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Paun Simpanan Haiwan MBSP. Lawatan ini melibatkan 21 pegawai daripada tujuh jabatan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan secara komprehensif mengenai dasar, aliaran permohonan lesen struktur fi, syarat teknikal, modus operandi penguatkuasaan dan amalan terbaik MBSP dalam pelesenan ternakan, pelesenan haiwan kesayangan dan pengurusan haiwan merayau.
41. Delegasi MBS telah di bawa melawat fasiliti paun untuk memahami secara lebih dekat operasi harian, sistem kebersihan, aliaran kerja, dan keperluan infrastruktur yang digunapakai. MBSP turut berkongsi rangka perundangan, kaedah permohonan lesen melalui sistem SpeedBiz, proses

pemeriksaan tapak, mekanisme sitaan dan lelongan haiwan serta pelaksanaan program *Trap-Neuter-Release-Manage & Community Engagement* (TNR-M & CE) bagi kawalan populasi haiwan terbiar. Secara keseluruhan, lawatan ini memberi kefahaman jelas mengenai model pelesenan dan kawal selia haiwan oleh MBSP selain membuka ruang kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.

Sumber : Jab. Kesihatan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

42. Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun pada 1 Januari 2025 sehingga 11 November 2025. Laporan pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti dipaparan :-

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 1/1/2025 SEHINGGA 11/11/2025	
JUMLAH BILANGAN KOMPAUN	549,943.00
NILAI AMAUN	RM31,587,115.00

BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	223,492	40.6%
NILAI AMAUN BERBAYAR	RM4,117,061.00	13.03%

Jumlah kertas siasatan (IP) yang telah dibuka pada 1 Januari 2025 sehingga 11 November 2025 adalah sebanyak 1,848.

41. Ringkasan pengeluaran kompaun mengikut Akta berdasarkan tarikh 1 Januari 2025 sehingga 11 November 2025 adalah seperti dipaparan :-

TAHUN	BULAN	LOKASI	AKTIVITI
2025	JANUARI	i. Taman Permai 3 ii. SK Tasik Jaya iii. Taman Seremban Jaya iv. Taman Seremban Jaya / Bandar Tasik Selatan	Mengosongkan tempat awam
	FEBRUARI	i. Taman Kemuning Senawang ii. Taman Sri Mawar iii. Depan Masjid TTJ iv. Taman Sri Mawar v. Taman Idaman Bayu vi. Garden Homes	
	MAC	i. Taman Matahari Height ii. Taman Sri Mawar	
	APRIL	i. Jalan Kuala Pilah – Seremban (di bahu jalan) ii. Rantau (bahu jalan Pekan Rantau, berdekatan dengan Petronas) ii. Seremban Jaya (Restoran Doll Tomyam)	Mengosongkan tempat awam
	MEI	i. Taman Jasmin, Senawang ii. Taman Senawang Jaya iii. Taman Tuanku Jaafar iv. Jalan Besar Mantin – Kajang v. Taman Bukit Kepayang vi. Jalan Besar Gebok - Pajam	
	JUN	Medan Perniagaan Senawang Jaya	
	JULAI	Industri Light Taman Tasik Jaya Taman Sri Mawar	
	OGOS	i. Medan Selera Jalan Tampin, Senawang ii. Taman Kemuning Senawang (sebelah Klinik Kesihatan Senawang) iii. Dusun Setia iv. Taman Widuri, Senawang	

	SEPT	i. Taman Jasmin, Senawang ii. Taman Seremban Jaya iii. Masjid Kariah Paroi Jaya iv. Kawasan Industri Light Andalus Senawang	
	OKT	i. Taman Setia Jaya ii. Taman Desa Dahlia	
	NOV	i. Hadapan Senawang Prima ii. Taman Akasia, Sikamat iii. Pekan Rantau	

Sumber : Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan

PROGRAM BICARA HARMONI BERSAMA DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

43. Pada 11 November 2025, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Program Bicara Harmoni Bersama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban di Ruang Dagang Paroi, Wisma MBS. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara penjaja dan peniaga dengan pihak pengurusan tertinggi Majlis Bandaraya Seremban dan seterusnya membina kefahaman dua hala antara MBS dengan komuniti peniaga.

44. Program ini dihadiri seramai 81 orang yang terdiri daripada wakil persatuan yang berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) khususnya para penjaja dan peniaga yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan ekonomi tempatan. Saya sempat hadir bersama-sama dengan Tn.Ir.Ts.Br.Mohd Kamal bin Mohd Yusof Setiausaha MBS, En. Mohd Lotffee bin Haji Abdullah Pengarah Pelesenan & Pembangunan Usahawan MBS, En. Hanizam bin Ahmad Pengarah Undang-Undang & Penguatkuasaan MBS, En.Shahidan bin Rahim Timbalan Pengarah Kesihatan Persekitaran MBS dan En. Shamaruddin bin Saidin Ketua Unit Komunikasi Korporat MBS bagi menyantuni peniaga-peniaga tersebut.
45. Melalui program ini Majlis berharap komuniti peniaga sama-sama memahami dan memainkan peranan serta tanggungjawab dalam memastikan kesejahteraan bandaraya Seremban.

Sumber : Jab. Pelesenan & Pembangunan Usahawan

**LAWATAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BELIA
DAN SUKAN KE PROJEK MENAIK TARAF STADIUM
HOKI TAN SRI DATO' HAJI MOHD SAID, SEREMBAN 2,
NEGERI SEMBILAN**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

46. Pada 11 November 2025, Majlis Bandaraya Seremban telah menerima kunjungan daripada YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi mengadakan lawatan ke Stadium Hoki, Kompleks Sukan Tan Sri Dato' Dr. Hj. Mohd Said, Seremban 2. Lawatan ini Adalah berkaitan projek menaik taraf stadium hoki bagi meninjau kemudahan sedia ada serta menilai keperluan penyelenggaraan dan peningkatan infrastruktur bagi menyokong pembangunan sukan tempatan.

47. Kunjungan ini adalah untuk memberi peluang kepada pihak KBS untuk meninjau secara dekat keadaan semasa kemudahan di stadium hoki tersebut dan keperluan penyelenggaraan serta naik taraf kemudahan bagi memenuhi *standard* penganjuran kejohanan rasmi. Kunjungan ini turut mencerminkan keprihatinan pihak Kementerian Belia dan Sukan terhadap usaha Majlis Bandaraya Seremban dalam memastikan kemudahan sukan awam sentiasa berada pada tahap terbaik serta mampu menyokong aspirasi pembangunan sukan di Negeri Sembilan.
48. Majlis Bandaraya Seremban berharap agar lawatan ini menjadi pemangkin kepada hubungan kerjasama yang lebih erat antara KBS dan MBS dalam memperkasa pembangunan kemudahan serta aktiviti sukan di peringkat tempatan dan negeri.

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

PROGRAM *TOWNHALL* SEMPENA HARI HABITAT SEDUNIA & HARI PERANCANG BANDAR SEDUNIA PERINGKAT MBS 2025

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

49. Pada 11 November 2025 yang lalu, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah menganjurkan Program *Townhall* Sempena Hari Habitat Sedunia dan Hari Perancang Bandar Sedunia Peringkat MBS 2025 di D'Tempat Country Club, Sendayan. Tujuan program ini diadakan adalah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan perancangan bandar yang inklusif dan berdaya tahan, selaras dengan agenda pembangunan mampan negara.
50. Pada majlis tersebut, Tuan Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof, Setiausaha MBS telah mewakili saya bagi menyempurnakan Gimik Pelancaran Pelan Tindakan Iklim Seremban 2035. Saya mengucapkan terima kasih kepada para pembentang yang terdiri daripada :-

- i. Majlis Bandaraya Seremban yang telah membentangkan mengenai MBSFly (MBS - Fast Lane For You) ;
- ii. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) – *Climate Resilient & Best Practice* PBT ; dan
- iii. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) – Pelan Tindakan Iklim Seremban 2035

51. Semasa program berlangsung, turut diadakan ialah Sesi Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti Mampan MBS 2025 sebagai penghargaan kepada individu dan komuniti yang aktif memupuk amalan hijau dan gaya hidup lestari di Seremban. Senarai Pemenang Anugerah Komuniti Mampan MBS 2025 adalah seperti dipaparan.

(a) Kategori Individu:

- i. Encik Jaafar bin Ibrahim
- ii. Puan Nurhasnaa binti Idris
- iii. Puan Rozana binti Mohamad
- iv. Encik Rasydan bin Muhammad
- v. Encik Mohd Ramizu bin Ibrahim

(b) Kategori Kebun Komuniti:

- i. Persatuan Penduduk Taman Surian
- ii. Persatuan Pemilik Taman Mulia Legenda Suria
- iii. Persatuan Penduduk Taman Casurina Fasa 2 & 3

52. Majlis Bandaraya Seremban terus komited memperkukuh agenda pembangunan mampan melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Iklim Seremban 2035 dan penglibatan aktif komuniti ke arah bandar hijau dan sejahtera.

Sumber : Jab. Perancangan Pembangunan

KEJOHANAN FUTSAL LELAKI & SEPAK PENALTI WANITA SUKAN MALA NEGERI SEMBILAN 2025

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

53. Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah menganjurkan Kejohanan Futsal Lelaki dan Sepak Penalti Wanita Sukan Mala Negeri Sembilan 2025 pada 8 November 2025 bertempat di Kompleks Sukan Negeri, Paroi. Kejohanan ini telah menghimpunkan penyertaan daripada Bahagian Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan di

Negeri Sembilan, sekali gus memupuk semangat kesukanan, kerjasama dan perpaduan dalam kalangan warga perkhidmatan awam.

54. Saya telah meminta Tuan Ir. Ts. Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban mewakili saya bagi menyempurnakan majlis penyampaian hadiah. Keputusan penuh kejohanan adalah seperti dipaparan :

(a) Sepak Penalti Wanita

PEMENANG	AGENSI	WANG TUNAI
Johan	Bahagian Kerajaan Tempatan	RM500.00
Tempat Kedua	Majlis Perbandaran Port Dickson	RM300.00
Tempat Ketiga	Majlis Bandaraya Seremban	RM200.00

(b) Futsal Lelaki

PEMENANG	AGENSI	WANG TUNAI
Johan	Majlis Bandaraya Seremban	RM1,000.00
Tempat Kedua	Majlis Perbandaran Jempol	RM700.00
Tempat Ketiga	Bahagian Kerajaan Tempatan	RM500.00

55. Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan syabas dan tahniah kepada pemenang dan saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pasukan yang telah menunjukkan komitmen serta semangat kesukanan yang tinggi sepanjang kejohanan ini

berlangsung. Semoga berjumpa lagi pada Kejohanan Sukan Olahraga Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan yang bakal diadakan pada Januari 2026 nanti.

Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan

PROGRAM *FUN RUN* BERAGAM 5KM SEMPENA SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN HARI ANTIRASUAH ANTARABANGSA PERINGKAT KERAJAAN NEGERI SEMBILAN 2025

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

56. Pada 8 November 2025, bersempena Sambutan Hari Integriti dan Hari Antirasuah Antarabangsa Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2025, satu program *Fun Run* Beragam 5KM bertemakan “Desa Nan Permai” telah berlangsung dengan meriah di Seremban. Program ini merupakan kerjasama antara Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS) dan Unit Integriti, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) sebagai simbolik bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam

mempromosikan budaya integriti dan gaya hidup sihat dalam kalangan warga pentadbiran negeri.

57. Seramai 200 peserta yang terdiri daripada penjawat awam negeri dan persekutuan telah menyertai acara ini yang bertujuan untuk memupuk nilai integriti, ketelusan serta perpaduan, di samping menggalakkan gaya hidup aktif dan seimbang. Majlis pelepasan peserta telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Saya dan Tuan Setiausaha turut berkesempatan untuk menyertai larian ini dan YB Dato' Masri bin Haji Razali Pegawai Kewangan Negeri turut hadir sama bagi memeriahkan lagi suasana.
58. Larian sejauh 5 kilometer ini telah mendapat Kerjasama sepenuhnya daripada Bahagian Trafik IPD Seremban dan Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan dalam memastikan kelancaran serta keselamatan sepanjang program ini berlangsung. Penyertaan daripada peserta mencerminkan komitmen berterusan warga pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dan Majlis Bandaraya Seremban terhadap amalan integriti, ketelusan dan kesejahteraan holistik.

ANUGERAH BANDAR PALING MAMPAN

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

59. Majlis Bandaraya Seremban telah menerima penganugerahan Anugerah Bandar Paling Mampan bagi Kategori Bandaraya Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2025 dengan membawa pulang wang berjumlah RM4,000.00. Majlis Bandaraya Seremban telah mencatatkan skor kemampanan sebanyak 97.42% sekaligus mengekalkan status Mampan secara berturut-turut sejak tahun 2021. Saya telah meminta supaya Tuan Ir.Ts.Br. Mohd Kamal bin Mohd Yusof, Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban mewakili saya bagi menerima anugerah tersebut yang disampaikan oleh YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Dato' Wira Dr.M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT.

60. Selain tu, Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Perancangan Pembangunan telah menyertai reruai Pameran *MyCity Expo 2025* Sempena Kongres Perancangan Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 (*National Planning Congress / NPC 2025*) yang mengetengahkan pengintegrasian Kecerhasan Buatan (AI) dan perancangan bandar untuk membentuk bandar pintar dan mampan. Penyertaan ini menunjukkan komitmen Majlis Bandaraya Seremban dalam memacu pembangunan bandar yang pintar, inklusif dan mampan serta membangunkan jaringan strategik dan peluang Kerjasama dengan agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, ahli akademik dan sektor swasta.

Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) PERINGKAT NEGERI

61. Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri telah berlangsung di Lorong Dato' Maharaja (Stesen Bas Bahau), Jempol dan telah dirasmikan oleh YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan, Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan mewakili YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan.
62. Semasa majlis tersebut, saya telah menerima trofi dan cek berjumlah RM10,000.00 daripada Insentif Khas YAB Menteri Besar Negeri Sembilan bagi Anugerah Bandar Paling Mampan bagi Kategori Bandaraya.

Sumber : Jab. Perancangan Pembangunan

PENUTUP

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian,

63. Kita telah memasuki fasa awal **musim tengkujuh**, iaitu tempoh yang lazimnya mengundang cabaran besar kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan masyarakat. Seperti yang kita maklum, hujan lebat berpanjangan boleh menyebabkan peningkatan risiko banjir kilat, tanah runtuh, pokok tumbang serta gangguan kepada infrastruktur awam. Bandaraya Seremban, sebagai sebuah kawasan yang pesat membangun, memerlukan kesiapsiagaan yang lebih menyeluruh dan tersusun. Kita tidak boleh mengambil ringan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Segala langkah pencegahan dan tindak balas perlu dilaksanakan secara lebih proaktif, bukan reaktif.
64. Dalam hal ini, saya ingin menekankan beberapa perkara utama:

- (i) **Pembersihan longkang, sistem perparitan dan sungai-sungai kecil** hendaklah disegerakan, khususnya di kawasan berisiko tinggi. Unit dan jabatan berkaitan perlu memastikan kerja penyenggaraan dilakukan secara berkala dan dipantau dengan rapi ;
- (ii) **Inventori peralatan kecemasan** perlu diperiksa bagi memastikan semuanya berada dalam keadaan baik dan sedia digerakkan ;
- (iii) **Kerjasama dengan agensi-agensi luar** seperti APM, Bomba, JPS dan PDRM perlu diperkukuh. Kita mesti memastikan aliran komunikasi dan koordinasi adalah lancar, terutamanya ketika menghadapi insiden banjir kilat atau kecemasan berkaitan cuaca ;
- (iv) **Tindakan pantas terhadap aduan awam.** Saluran aduan dan komunikasi MBS perlu beroperasi dengan cekap pada tahap maksimum sepanjang musim tengkujuh. Aduan berkaitan pokok berisiko, perparitan tersumbat dan kerosakan jalan perlu ditangani dengan cepat ;

(v) **Kempen kesedaran kepada masyarakat.** Kita perlu mengingatkan warga bandaraya supaya tidak membuang sampah ke dalam longkang dan sungai, serta mematuhi nasihat keselamatan. Pendidikan awam adalah sebahagian daripada langkah pencegahan yang paling penting ;

65. Saya berharap Ahli-ahli Majlis dapat memainkan peranan aktif di kawasan masing-masing dengan turun segera ke lokasi yang dilanda musibah dan segera melaporkan kepada Majlis Bandaraya Seremban bagi menyalurkan bantuan yang bersesuaian. Ketua Jabatan dan Ketua Unit pula hendaklah memastikan petugas berada dalam keadaan bersiap sedia, termasuk melalui penjadualan rondaan berkala, pengurusan maklumat cuaca, serta pelaporan status kawasan.
66. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak atas komitmen berterusan dalam memastikan Bandaraya Seremban kekal selamat dan terurus sepanjang musim tengkujuh ini. Semoga usaha kita bersama ini dapat mengurangkan risiko dan memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan.

Sekian, terima kasih.

**DATO' IR.TS.HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
26 NOVEMBER 2025**